



FAHAMAN SESAT

DAN CABARAN UMAT




Penyelenggara:
Mustaffa Abdullah (PhD)
Abdul Karim Ali (PhD)
Mohd Roslan Mohd Nor (PhD)
Ahmad Yussuf (PhD)



PERSATUAN ULAMA MALAYSIA

The background of the entire cover is a dark, textured surface with a subtle pattern. At the bottom, there is a large, ornate golden dome of a mosque, partially visible, with intricate carvings and a central spire.



FAHAMAN SESAT DAN CABARAN UMAT

Sebuah Produksi:

PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA

© *Persatuan Ulama' Malaysia*

Cetakan Pertama: 2025

ISBN: 978-983-2306-58-0

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-2306-58-0

Diterbitkan Oleh:

Persatuan Ulama' Malaysia

**14B, Jalan Plumbum P7/P, Seksyen 7,
40000 Shah, Alam, Selangor.**

Tel: 03-5512 4300 / 03-5511 4301

Faks: 03-5511 4302

Pengedar/Perunding:

Galeri Buku dan Kitab Khairom

Shah Alam, Selangor.

Tel: 013-341 9101

Dicetak oleh: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

**18 & 20 Jalan 4/10B Taman Spring Crest,
68100 Batu Caves, Selangor**



FAHAMAN SESAT & CABARAN UMAT

@ Nadwah Pemikiran Islam :: 07 Disember 2024

Cetakan 2024: ISBN: 978-983-2306-58-0

PEMIKIRAN PASCAMODERNISME: ANCAMAN TERHADAP AKIDAH UMAT

*Dr. Asma Binti Muhammad Uthman El-Muhammady**

*Dr. Fahed Maromar***

ABSTRAK

Pascamodenisme yang muncul di pertengahan abad ke-20 agak memberi kesan kepada cara berfikir, memahami konsep, seni dan budaya serta pendirian masyarakat masakini terhadap konsep-konsep, kebenaran dan nilai. Dalam tulisan ringkas ini, objektif penulis ialah cuba mengupas secara ringkas latar belakang pascamodenisme serta pengaruhnya dalam beberapa segmen penting kehidupan masyarakat serta cabarannya kepada umat Islam terutamanya dari segi aspek Akidah. Penulis mengguna pakai kaedah kajian perpustakaan. Beberapa rujukan asas daripada tulisan-tulisan dan kajian terkini dan terdahulu berkenaan gerakan ini juga disoroti. Tiga aspek utama difokuskan dalam usaha memberi kefahaman tentang kepincangan dan bahaya yang terdapat dalam gerakan ini yang patut diambil tahu dan disedari oleh masyarakat secara umumnya. Pertama, konsep realiti dan penolakan terhadap objektif realiti yang membawa kepada dokongan terhadap relativism; kedua tentang penolakan terhadap naratif agung (*grand narrative*) dan melihat sesuatu sebagai sentiasa berubah dan tidak tetap; dan yang ketiga ialah merombak metafizik

Assistant professor, Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM. Emel: umfaisal@iium.edu.my

Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM. Emel: fahad@uitm.edu.my



(*deconstruction of metaphysics*) yang dianggap tiada kebenaran padanya. Malah apa yang ingin dicapai dalam metafizik hanyalah bentuk-bentuk yang terlahir dalam konteks realiti, budaya dan sosial sahaja.

Kata Kunci: Pascamodenisme, naratif agung, realiti, perubahan, metafizik

PENGENALAN

Pascamodenisme (*postmodernism*) sebagai satu bentuk gerakan yang muncul di pertengahan masyarakat Barat pada pertengahan abad yang lalu secara umumnya dilihat sebagai satu bentuk tindak balas atau protes orang-orang Barat terhadap kegagalan modenisme¹ merealisasikan apa yang dijanjikan. Antara janji-janji utama modenisme terhadap manusia atau masyarakat ialah kemajuan yang berterusan dalam sains dan teknologi, bersifat rasional dan objektif, pemerksaan individu yang dapat dilakukan melalui pendidikan, kebebasan dan pembaharuan politik. Modenisme juga membayangkan aplikasi ilmu dan pengetahuan yang bersifat universal dalam etika dan tadbir urus bagi mewujudkan dunia yang adil dan saksama untuk semua melalui nilai dan amalan demokrasi, hak-hak kemanusiaan (*human rights*) dan persamaan (*equality*) yang dapat menyatukan semua masyarakat.

Yang paling menarik sekali ialah bayangan untuk melahirkan sebuah masyarakat 'utopia' yang bebas daripada ketidakadilan, kemiskinan dan penderitaan yang dapat dicapai melalui perancangan yang teliti, pembaharuan sosial dan hasil ciptaan serta penemuan sains. Bagaimanapun, keindahan bayangan dan harapan yang dibawa oleh modenisme ini tidak berjaya direalisasikan

¹ Zaman Eropah Moden (Modern Period) secara umum bermula pada abad ke-19 sehingga abad ke-20.



sepenuhnya lalu muncullah kritikan-kritikan terhadap sistem modenisme ini dalam bentuk yang dibawa oleh pascamodenisme.

Pascamodenisme bukanlah satu bentuk teori falsafah yang khusus, ia malah sebagai sebuah payung gerakan yang meliputi pelbagai kritikan terhadap konsep-konsep modenisme terhadap sesuatu dan, atau kewujudan.² Dan antara beberapa teori falsafah yang berkaitan, 'post-structuralism' barangkali yang paling dekat dan paling dominan antara ciri-ciri dalam pascamodenisme.³ Oleh itu, istilah pascamoden dan 'post-structural' sering digunakan secara bergantian.⁴ Apapun, apa saja bentuk falsafah yang mengkritik atau menolak konsep modenism dikira sebagai pascamodenisme.⁵

Perbincangan dalam pascamodenisme tidak hanya berkisar di sekitar disiplin falsafah sahaja yang merupakan salah satu manifestasi budaya moden. Lain-lain bidang dan budaya seperti kesusasteraan, muzik, seni, teater, filem dan seni bina juga berada di bawah pengaruh sikap dan pandangan modenisme yang bersifat tersusun dan seragam, simetrik dan harmoni. Di tangan penulis, ahli muzik dan seniman pascamodenisme pula, semua genre-genre acuan tradisional ini ditolak dan cuba dipisah-pisahkan.⁶ Pendukung pascamodenisme ini juga terdiri daripada pelbagai latar belakang, sasterawan, seniman, budayawan, sarjana dan lain-lain. Begitu juga penjelmaan teori dan pemikirannya juga muncul dalam pelbagai bentuk daripada trend fesyen, aliran seni, pola fikir,⁷ muzik dan seumpamanya.

² Stumpf, Samuel Enoch, et. al., *Socrates to Sartre and Beyond: A History of Philosophy* (Hill: The McGraw, 2012), 468.

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

⁷ Muhammad Uthman El-Muhammady, *Pascamodenisme dan Islam: Satu Pandangan Awal* (Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, 2012)



Apapun perlu juga diingati bahawa kemunculan awal pemikiran pascamodenisme ini juga berbicara tentang senibina dan Bahasa dan bukan hal pemikiran atau falsafah atau agama secara langsung.

BEBERAPA TEMA UTAMA PASCAMODENISME

Sebagaimana modenisme muncul dan menolak nilai-nilai zaman pertengahan Eropah, pascamodenisme juga muncul dan menolak nilai dan falsafah zaman moden yang dianggap tidak dapat memberi jawapan dan kepuasan kepada manusia Barat terhadap persoalan-persoalan antaranya tentang 'human nature'⁸, persoalan tentang realiti, perubahan dan metafizik. "Meskipun pascamodenisme sebenarnya tidak membawa alternatif yang jitu dan bermakna, namun daya pesonanya tetap ada terutama di kalangan mereka yang kecewa dengan modenisme. Ketika ini pascamodenisme sudah menggejala di mana-mana, termasuk di dunia Islam."⁹ Dalam usaha memahami gerakan pascamodenisme ini, beberapa tema utama akan dibincangkan secara ringkas serta apa kesan dan natijahnya terhadap dasar dan kehidupan beragama bagi seorang Muslim.¹⁰

Anti-Realism

Dalam konteks perbincangan ini, realiti atau 'real', atau dalam pengertian falsafah, "realism" ialah sudut pandangan yang sesuai dengan perkara-perkara yang diketahui atau dirasakan kewujudan

⁸ Lihat Rorty, Richard, *Philosophy and the Mirror of Nature* (Princeton, NJ: Princeton University Press, 1979), 17.

⁹ El-Muhammady, *ibid.*

¹⁰ Terdapat banyak tema dan teori lain dalam postmodernisme, namun dalam tulisan ringkas ini hanya tiga konsep akan dibincangkan: (iaitu) realiti, penolakan terhadap naratif agung, dan penolakan terhadap metafizik.



atau sifatnya, yang bebas daripada sama ada sesiapa memikirkan atau merasakannya.¹¹ Dalam erti kata lain, kewujudan sebagaimana ia, tanpa bergantung pada kefahaman atau fikiran seseorang - ia juga suatu cabang pandangan yang asas dalam falsafah yang dipanggil 'ontological realism'. Realisme ontologi berpendapat bahawa beberapa aspek realiti adalah benar secara objektif dan tidak bergantung pada perspektif individu atau budaya. Searle (l. 1932) yang begitu kritikal terhadap pandangan anti-realisme menakrifkan realisme (dalam falsafah) sebagai "pandangan bahawa dunia wujud secara bebas daripada representasi kita tentangnya."¹² Menurut Searle, ini membawa erti sekiranya kita tidak pernah wujud, dan tidak pernah ada apa-apa representasi – atau apa-apa kenyataan, kepercayaan, persepsi atau pemikiran tentang dunia, maka dunia ini tetap wujud dan tidak mempunyai apa-apa kesan sama ada kita pernah memberi gambaran tentangnya ataupun tidak.¹³ Contoh lain yang diberikan Searle misalnya apabila seseorang memberitahu tentang wujudnya satu gunung di Himalaya yang bernama Gunung Everest. Gunung ini tetap wujud sama ada kita memberi gambaran tentangnya ataupun tidak.¹⁴

Pendokong pascamodernisme pada dasarnya bersikap anti-realis. Anti-realism ialah pendirian falsafah yang menafikan atau mempersoalkan tentang kewujudan (realiti yang objektif) yang bebas daripada persepsi, kepercayaan, atau kerangka konseptual manusia. Ia berbeza dengan 'realisme' yang menegaskan bahawa entiti atau kebenaran tertentu 'wujud' secara bebas atau dengan

¹¹ Britannica, *Realism*, <https://www.britannica.com/topic/realism-philosophy>, (19 November 2024).

¹² Searle, John R., *The Construction of Social Reality* (New York: The Free Press, 1995), 153.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Searle, *The Construction of Social Reality*, 153.



sebenarnya daripada fikiran atau tafsiran kita.¹⁵ Anti-realis berpendapat apa yang kita anggap sebagai "sebenar" itu hakikatnya cuma dibentuk oleh kognisi manusia, bahasa dan budaya semata-mata, bukan 'ia' yang sebenar yang dimaksudkan itu. Ini kerana manusia bergantung pada persepsi dan bahasanya dalam menjelaskan erti sesuatu. Secara tidak langsung ini bermakna kebenaran atau 'realiti' itu dilihat sebagai relatif kepada sistem kepercayaan atau amalan linguistik manusia dan bukan wujud secara objektif.

Implikasi penolakan realiti ini dalam konteks ontology boleh membawa kepada penolakan terhadap kewujudan Tuhan yang merupakan persoalan pokok yang menentukan seseorang itu beriman ataupun tidak. Cara pandang tentang kewujudan yang sebegini tentunya memberi kesan kepada keimanan seseorang terhadap Tuhan. Terdapat beberapa jenis anti-realis ini antaranya **anti-realis metafizik** yang menolak kewujudan realiti yang bebas daripada persepsi atau kefahaman manusia. Contohnya beberapa versi idealisme yang melihat realiti pada asasnya adalah mental atau pengalaman manusia sahaja, bukan sebenarnya (*real*). **Anti-realis epistemologi** pula skeptis terhadap keupayaan manusia untuk mengenali atau menggambarkan realiti objektif, kalau pun ia memang wujud. Oleh itu, anti-realis merupakan **constructivism**, iaitu menganggap ilmu dan kebenaran (*knowledge and truth*) itu 'dibina' (*constructed*) oleh faktor sosial, budaya dan linguistik sahaja. Ia juga **relativis**, iaitu berpegang bahawa kebenaran atau sesuatu nilai itu relatif kepada perspektif atau framework yang tertentu dan tidak tetap. Anti-realis juga boleh dikatakan **fenomenalis**, iaitu yang mendakwa bahawa objek fizikal hanya wujud sebagai pengalaman atau persepsi deria sahaja, bukan yang sebenar.

¹⁵ Lihat dalam Rorty, Richard, *Philosophy and the Mirror of Nature* (Princeton University Press, 1981), 286-7.

Menolak Naratif Agung

Istilah "naratif agung" (*grand narrative*) diperkenalkan oleh Jean-Francis Lyotard (1924-1998) untuk menjelaskan tentang jenis pengkisahan yang selalunya tidak disangkal dan diterima sebagai benar dan sah serta mewajarkan pilihan tertentu yang ditetapkan dalam budaya sebagai tindakan yang mungkin. Ia juga dipanggil "naratif induk," menyediakan koheren dengan menutup pelbagai bentuk konflik atau perbezaan yang timbul dalam sejarah masyarakat, contoh naratif seperti itu ialah agama Kristian, Enlightenment (Zaman Pencerahan), Kapitalisme, dan Marxisme.¹⁶ Naratif agung ini beroperasi sebagai "metanaratif" yang menyediakan *framework* di mana semua naratif-naratif lain mendapat landasan dan memperoleh makna serta kesahihannya.¹⁷

Lyotard mencirikan era pascamoden sebagai era yang telah kehilangan kepercayaan terhadap semua "metanaratif" yang besar dan menyeluruh.¹⁸ Metanaratif ini secara tradisinya berfungsi untuk memberikan beberapa bentuk legitimasi atau kuasa kepada amalan atau budaya¹⁹ yang secara universalnya dianggap benar dan tidak dapat dielakkan. Menolak naratif agung ini dilihat sebagai cara baru bagaimana manusia melihat dunia yang tidak lagi terikat dengan naratif yang ketat dan terbatas. Pascamodenis Barat tidak mahu melihat dunia sebagaimana dilihat dari perspektif modern, terikat dengan pandangan dan persepsi tertentu. Lalu semuanya ditolak dan dicabar. Lyotard menulis:

¹⁶ Taylor, Victor E., et al (ed.), *Encyclopaedia of Postmodernism* (London & New York: Routledge Taylor & Francis Group, 2001), 164-5.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Lyotard, Jean-Francois, *The Postmodern Condition: A Report on Knowledge* (UK: Manchester University Press, 1979), xxiv.

¹⁹ Butler, Christopher, *Postmodernism: A Very Short Introduction* (Oxford: Oxford University Press, 2002), 13.



".. kita dapat mendengar rungutan keinginan untuk kembalinya satu 'keganasan', untuk merealisasikan fantasi bagi merebut 'realiti'. Marilah kita berjuang melawan 'totaliti', mari kita menjadi saksi bagi yang tidak terwakilkan (unpresentable), mari kita rancakkan perbezaan dan selamatkan kemuliaan "nama" [itu].²⁰

Dalam konteks umat Islam, naratif agung ini seperti penerimaan Muslim terhadap naratif dalam Sirah Rasulu'Llah, nilai-nilai dalam agama, atau apa-apa yang diterima sebagai benar dalam Islam dan diterima oleh orang Islam dan dipandang sebagai berautoriti termasuk hukum hakam. Dalam Islam, sekiranya seorang Muslim menolak 'naratif agung' Islam, maka implikasinya sangat berat kerana apa yang dianggap sah dan benar menjadi terbatal atau tertolak.

Berakhirnya Metafizik

Untuk memahami perbincangan metafizik dari perspektif pascamodenisme, boleh dilihat dalam teori 'dekonstruksi' Derrida. Derrida mengkritik konsep tradisional metafizik, termasuk realiti dan hakikat Tuhan sebagai entiti tetap dan tidak berubah.²¹ Teori dekonstruktif umumnya mempersoalkan kesahihan makna dan bahasa dalam sesuatu naratif, dan dalam konteks metafizik, akibatnya ia mencabar definisi teologi tentang Tuhan sebagai Zat yang tetap dan mutlak. Dalam kerangka pascamoden ini juga sifat-sifat Tuhan tidak semestinya dilihat dan diterima secara universal sebagaimana yang ditakrifkan, tetapi ia perlu dilihat sebagai binaan (construct) yang dibentuk oleh tafsiran, bahasa, dan budaya manusia. Oleh itu ia tidak semestinya benar kerana ia hanya binaan

²⁰ *Ibid.*, 82.

²¹ Derrida, Jaques, Limited Inc. (inc. "Afterword"), ed. Graff, trans. Weber, Evanston: Northwestern University Press, 1998 edition (LI), 236.



bahasa yang cuna mencerminkan realiti itu dengan segala kemungkinan dan keterbatasannya.

Pendirian terhadap metafizik dan teologi dalam kalangan pascamodenis masakini bagaimanapun sesetengahnya mengalami perubahan dan tidak semestinya teguh pada kerangka pascamodenisme yang asal, walaupun masih lagi berpaut pada asas-asasnya yang utama. Caputo contohnya memfokuskan pada idea tuhan bukan sebagai zat yang tertinggi dan berkuasa tetapi sebagai seruan atau janji yang boleh membawa transformasi dan keterbukaan kepada diri. Dia menerangkan tentang tuhan melalui pandangan yang tidak begitu pasti dan hanya menekankan hubungan manusia dengan tuhan secara peribadi.²² Taylor pula meneroka persimpangan dalam teologi, dekonstruksi, dan pascamoden. Secara ringkasnya dia menekankan hakikat tuhan yang bersifat dinamik dan cair dan bergerak melangkaui apa yang dipercayai secara tradisional selama ini, menyerap kerumitan dan kekaburan.²³ Dalam teologi mistik Kristian jenis ini, tokoh-tokoh seperti Meister Eckhart (m.1328) dan St. Teresa (m. 1582) sering dirujuk sebagai tumpuan mereka kepada hubungan dan pengalaman peribadi dengan tuhan, yang sejajar dengan penekanan pascamoden terhadap hubungan yang subjektif antara individu dengan tuhan.

Hari ini tokoh-tokoh pascamodenis di Barat terdiri daripada pemikir-pemikir daripada pelbagai bidang budaya, falsafah, dan masyarakat yang serba rumit pada abad ke-21 ini. Kebanyakan mereka menangani cabaran masakini seperti globalisasi, teknologi dan kebimbangan ekologi berdasarkan asas-asas pemikiran pascamoden. Yang terunggul antaranya Slavoj Zizek (l. 1949), ahli falsafah Marxisme, teori budaya dan psikoanalisi berasal dari

²² Lihat dalam Caputo, John D., *The Weakness of God*. (Indiana University Press, 2006).

²³ Lihat Mark C. Taylor, *Erring: A Postmodern A/Theology* (University of Chicago Press, 1984).



Slovenia. Dia terkenal dengan panggilan ahli falsafah paling bahaya Eropah masakini. Žižek mengkritik ideologi, kapitalisme, dan struktur masyarakat moden menggunakan kaedah psikoanalisis Lacanian dan skeptisisme pascamoden. Dia kerap terlibat dengan forum-forum fenomena budaya dan sering menekankan percanggahan dalam politik dan budaya kontemporari.

Donna Haraway (l. 1944) juga antaranya yang terkenal dengan kajian-kajian dalam feminisme dan posthumanisme. Menifestonya yang terkenal ialah Manifesto Cyborg yang mencabar perduaan (binaries) manusia dengan mesin dan alam semulajadi atau budaya, menyokong pentakrifan semula identiti manusia dalam dunia yang dibentuk oleh krisis teknologi dan ekologi. Haraway memperkenalkan konsep dan rangka kerja yang inovatif bagi mencabar pemikiran antroposentrik (berpusatkan manusia) serta mencadangkan cara baru berada di dunia.²⁴

BAHAYA PASCAMODENISME TERHADAP ISLAM

Walaupun pascamodenisme kelihatan lebih kepada perbincangan dalam seni, budaya, bahasa dan teori sosial, ia secara sedar ataupun tidak boleh menggugat keimanan seseorang yang melihat sesuatu dari kaca mata pascamodenisme ini. Muhammad Uthman El-Muhammady dalam pandangan awalnya menyatakan kemunculan pascamodenisma berkait rapat dengan kerakusan masyarakat moden yang telah mencapai tahap kehidupan materialistik dan agnostik (tidak percaya kepada kewujudan Tuhan) yang paling puncak. Antara ciri-ciri pentingnya ialah penafian subjek dan realiti. Penafian ini akhirnya membawa kepada fenomena kehilangan makna (*meaninglessness*) dalam kehidupan lalu manusia menjadi hilang arah dan tujuannya dalam hidup. Malah lebih jauh

²⁴ Lihat Haraway, Donna, *Staying with the Trouble: Making Kin in the Chthulucene* (U.S.: Duke University Press, 2016).



lagi kesan ini seterusnya membawa kepada penafian terhadap 'kebenaran mutlak'. Pascamodernisme menyebutnya sebagai penjelasan (naratif) dalam kerangka besar (*grand narrative*) yang mana terkandung di dalamnya idea-idea tentang kebenaran mutlak dan metafizik sebagaimana yang dijelaskan dalam epistemologi (teori ilmu) Islam mengenai konsep "Realiti dan Kebenaran".²⁵

Dalam dekonstruksi pascamodernisme, sebagaimana telah dibincangkan, realiti bukanlah sesuatu yang wujud di luar diri manusia yang kemudiannya digambarkan oleh manusia dalam fikirannya dan direpresentasikan dengan Bahasa yang digunakan. Apabila realiti itu dilihat sebagai apa yang digambarkan oleh manusia sahaja, maka realiti malah merupakan ciptaan manusia. Manusia membentuk realiti itu mengikut keperluan, minat, prasangka dan tradisi budaya. Pada hakikatnya juga, realiti itu keseluruhannya ciptaan manusia.

Apabila kita merujuk realiti dengan huruf besar 'R' pula ia merujuk kepada Allah, Tuhan Pencipta alam. 'Realiti' ini tentunya bukan ciptaan manusia. Manusia cuba mengenal Realiti ini dengan zatNya, sifat-sifatNya dan perbuatannya mengikut kemampuannya berdasarkan kepada data serta punca *samawi* dan kenabian. Ia bukan sesuatu yang dibina (*construct*) atau dicipta dalam fikiran manusia. Dalam erti kata lain, penolakan terhadap *grand naratif* dalam konteks Islam ialah menafikan wahyu dan kebenaran yang ada padanya juga. Selain itu, pascamodernisme juga cenderung ke arah pluralism, kesan daripada penolakan terhadap naratif agung.

²⁵ El-Muhammady, *Pascamodernisme: Satu Pandangan Awal*.



KESIMPULAN

Dapat dilihat melalui perbincangan ini bahawa implikasi pemikiran pascamodenisme ini mencabar pendekatan sistematik dalam beberapa aspek termasuk aspek teologi sama ada dalam Islam atau Kristianiti dalam memahami Tuhan. Contohnya, pascamoden mungkin mencabar dan menolak penjelasan Islam tentang Tuhan dan sifat-sifatNya, konsep wahyu dan kenabian dan asas-asas keimanan yang lain. Pascamodenisme juga membuka ruang untuk penerokaan teologi yang baru, yang lebih cair, dan inklusif seperti mana yang diperkatakan oleh tokoh-tokohnya.

Kekosongan jiwa dan kehilangan makna dalam kehidupan masyarakat masakini juga barangkali satu fenomena yang boleh dikaitkan dengan kesan pandangan terhadap realiti dan kehidupan. Memecahkan (*fragmentation*) makna semua perkara melahirkan manusia yang tidak beriman dengan tujuan kehidupan yang jelas sebagaimana dibawa dan diajarkan oleh wahyu. Apa pun sebabnya, trend memecahkan dan mengkritik sesuatu tanpa batasan dan asas akhirnya meninggalkan manusia dengan tiada apalagi yang boleh dipercayai, dipegang atau diraikan. Akibatnya, manusia kini ramai yang menjadi murung dan kosong jiwanya. Kadar masalah kesihatan mental dalam kalangan anggota masyarakat masakini juga adalah suatu keadaan yang membimbangkan. Ia suatu keadaan yang berbeza jika dibandingkan dengan masa dua puluh tahun dahulu.



RUJUKAN

- Butler, Christopher. (2002). *Postmodernism: A Very Short Introduction* (Oxford: Exford University Press).
- Caputo, John D. (2006). *The Weakness of God*. (Indiana University Press).
- Derrida, Jaques. (1998). *Limited Inc.* (inc. "Afterword"), ed. Graff, trans. Weber, Evanston: Northwestern University Press).
- Haraway, Donna. (2016). *Staying with the Trouble: Making Kin in the Chthulucene* (U.S.: Duke University Press).
- Lyotard, Jean-Francois. (1979). *The Postmodern Condition: A Report on Knowledge* (UK: Manchester University Press).
- Mark C. Taylor. (1984). *Erring: A Postmodern A/Theology* (University of Chicago Press).
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004). *Pacamodenisme dan Islam: Suatu pandangan awal*. (Monograf). Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Rorty, Richard. (1979). *Philosphy and the Mirror of Nature* (Princeton, NJ: Princeton University Press).
- Stumpf, Samuel Enoch, et al. (2012). *Socrates to Sarter and Beyond: A History of Philosophy* (Hill: The McGraw).

